

“Berikanlah keutamaan kepada kepentingan Negara”

Iu usaha lebih gigih”).

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa setiap individu dan golongan rakyat menjadikan dekad 80-an sebagai satu dekad untuk gigih berusaha meningkatkan daya pengeluaran mereka dan daya pengeluaran semua sektor serta kegiatan ekonomi.

Perdana Menteri menegaskan dekad 80-an hendaklah dijadikan dekad menukar sikap dari memberi keutamaan terhadap diri sendiri kepada sikap memberi keutamaan terhadap agama, bangsa dan tanahair. (Minikom: Ini adalah jua, agaknya, bermakna bahawa dalam usaha seseorang individu untuk memperbaiki taraf hidupnya, jika timbul konflik di antara kepentingan pribadi dan kepentingan Negara, kepentingan Negara hendaklah sentiasa diberi keutamaan.)

Tidak slapa pun dapat menolong mereka yang tidak berusaha dengan jujur menggunakan tenaga, masa, fikiran dan modal bagi kebaikan dirinya, tambah beliau. (Minikom: Seperti berulang kali di sebutkan dihalaman ini, jikalau sekali Kerajaan telah menaburkan ikan ke dalam kolam untuk faedah rakyat, ikan-ikan berkenaan tidak akan melompat ke dalam belanga tanpa usaha di pihak rakyat pula untuk menangkapnya, sama ada melalui mata kail ataupun jala...)

(Petikan dari ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melalui RTM sempena menyambut Hari Kebangsaan seperti tersiar di Berita Harian Ogos 31, 1981, di bawah kepala muka hadapan “Dr. M: Dekad penuh cabaran Rakyat per-